

# Pantau, ambil sampel kedua

Jabatan Perikanan Melaka lakukan pengujian secara berkala dalam tempoh 20 hari

By 08/04/24 m/s 15

Oleh Mohd Amin Jalil  
bhnews@bh.com.my

**Jasin:** Jabatan Perikanan Melaka melakukan pemantauan proaktif, termasuk mengambil langkah pencegahan awal susulan penemuan alga spesies berbahaya pada sampel air dan kupang di Sebatu di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh, berkata penjualan kerang dan kupang di Melaka juga dihentikan sementara waktu serta-merta bermula Jumaat lalu dengan larangan mengutip kupang atau kerang di perairan negeri turut dikeluarkan kepada nelayan.

“Dalam waktu larangan itu, kita ada tempoh inkubasi dan Jabatan Perikanan akan meneruskan pemantauan dengan melakukan pengujian secara berkala dalam tempoh 20 hari.

“Pada minggu depan, sampel kedua dan seterusnya akan diambil. Sekiranya tahap keselamatan bacaan biotoksin berada pada paras dibenarkan dan disahkan selamat untuk dimakan, pihak kita akan beritahu.

“Tetapi jika masih lagi terce-



Dr Muhamad Akmal melawat gerai menjual daging segar pada Program Semarak Syawal Agro MADANI 1445H @ Pasar Tani Merlimau peringkat negeri semalam.  
(Foto BERNAMA)

mar, kita akan buat makluman,” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Semarak Syawal Agro MADANI 1445H @ Pasar Tani Merlimau peringkat negeri semalam.

Dr Muhamad Akmal bagaimanapun memaklumkan tiada kes kejadian keracunan makanan berkaitan pengambilan hasil laut dwicengkerang atau kupang dilaporkan di Melaka

setakat ini.

Sebelum ini, media melaporkan Jabatan Perikanan melarang orang ramai di Melaka memakan dwicengkerang berkuat kuasa serta-merta, sehingga pemantauan tahap keselamatan bacaan biotoksinnnya berada pada paras dibenarkan serta kupang disahkan selamat untuk dimakan.

Jabatan Perikanan menerusi kenyataan memaklumkan, ha-

sil analisis dijalankan makmal Biosekuriti terhadap sampel kupang dan air yang diambil dari Sebatu pada 3 April lalu menunjukkan kehadiran alga Alexandrium yang berbahaya kepada kesihatan manusia.

Selain Melaka, Jabatan Perikanan turut mengesahkan hasil analisis kupang di perairan Port Dickson khususnya di Kampung Telok dan Sungai Sekawang di Pasir Panjang, dicemari biotoksin dan tidak selamat dimakan.

## Teliti kesan industri

Sementara itu, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata kerajaan negeri akan meneliti sejauh mana kesan larangan memakan hasil laut itu susulan isu pencemaran biotoksin terhadap pengusaha dan penternak kerang di Port Dickson.

“Kita akan lihat kesan industri hiliran ini susulan hasil laut itu telah dicemari biotoksin. Tambahan pula, ia membolehkan sumber pendapatan pengusaha, walaupun bilangan tidak ramai tetapi membolehkan kepentingan mereka dan perlu diberikan perhatian.

“Kerajaan negeri akan meneliti sama ada ia boleh menjejaskan industri berkenaan atau boleh menggugat nelayan kita,” katanya selepas merasmikan Program Mantai Rayo 2024 di Seremban, semalam.

Aminuddin berkata, industri kupang di Port Dickson tidak besar berbanding di sesetengah tempat lain, namun ia tetap menyumbang kepada pendapatan nelayan di kawasan itu.